

Jasad Ngah Ibrahim tiba hari ini

Oleh Yahya Awang

TAIPING: Jasad Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Menteri Ngah Ibrahim, dijangka tiba di Kompleks Muzium Sejarah Kota Ngah Ibrahim, Matang dekat sini, tengah hari ini, diiringi kumpulan waris pahlawan Melayu serta kira-kira 50 anggota polis dan tentera.

Raja Dihilir, Raja Jaafar Raja Muda Musa akan mengetuai acara me-

nyambut jasad itu di depan Muzium Kompleks Sejarah berkenaan.

Pembantu Kompleks Muzium Sejarah Matang, Ahmad Sazali Sabu, berkata satu perbarisan lebih 50 pegawai dan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan diadakan di depan kompleks muzium itu.

"Batu nisan makam Ngah Ibrahim dari Singapura tiba di sini kira-kira jam 10 pagi ini (semalam) dan disimpan dalam bilik khas muzium ini.

"Majlis pengebumian itu akan dilaksanakan TLDM," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ahmad Sazali berkata, majlis tahlil akan diketuai Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria atau Pegawai Tadbir Agama (Kadi) Taiping, Mohd Azam Hamzah.

Beliau berkata, liang lahat untuk pengebumian jasad pahlawan terbilang itu digali kelmarin oleh penggali kubur tempatan dengan diselia oleh Penolong Kurator Kompleks Mu-

zium, Othman Abu Kassim.

Katanya, semua persiapan bagi majlis pengebumian itu berjalan lancar.

Jabatan Kerja Raya (JKR) sudah menyiapkan pentas untuk majlis tahlil manakala Perbandaran Taiping (MPT) pula menyediakan kerusi untuk tetamu, bilik makan untuk tetamu kehormat dan jemputan.

Jamuan diselenggara oleh Pejabat Tanah dan Daerah Larut Matang dan Selama (LMS).